

11 JUL 2000

Mahathir-sokongan/I

DR MAHATHIR MINTA BUKAN ISLAM SOKONG KERAJAAN SEMASA

KUALA LUMPUR, 11 Julai (Bernama) -- Rakyat bukan Islam di negara ini akan mendapat jaminan tidak akan ditindas jika mereka terus menyokong kerajaan yang ada sekarang, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Jika kita pastikan bahawa kerajaan ini terus berkuasa, itulah jaminan kepada rakyat bukan Islam," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen dan Pameran Struktur Keluli di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika ditanya tentang kebimbangan penduduk bukan Islam ekoran pembunuhan dua tebusan oleh kumpulan Al-Ma'unah yang bertanggungjawab merompak senjata dari dua kem tentera di Perak minggu lepas.

Dua tebusan bukan Islam itu ialah antara empat orang yang ditahan oleh kumpulan berkenaan semasa ia dikepung oleh pasukan keselamatan sebelum kesemua 27 anggota kumpulan itu menyerah diri.

Dr Mahathir berkata ada rakyat bukan Islam cuba bermain api dengan berkata mereka boleh menyokong kumpulan seperti itu dan tidak akan diapa-apakan.

"Jika kita menyokong pendapat yang salah, kita pasti menerima akibatnya," katanya.

Dr Mahathir berkata terpulang kepada rakyat, bukan beliau, untuk menjamin bahawa kemaslahatan dan kestabilan yang dinikmati di negara ini sekarang, terus kekal.

Semalam Perdana Menteri berkata kerajaan yang dipimpin oleh Umno tidak akan bertolak ansur terhadap cubaan mana-mana kumpulan untuk menindas atau membunuh sesiapa saja semata-mata kerana perbezaan kaum dan agama.

"Rakyat boleh sokong orang seperti ini jika mereka mahukan negara menjadi tidak stabil," katanya.

Kepada satu soalan, Dr Mahathir berkata nyawa setiap orang amat berharga dan kerajaan tidak mahu melihat umat Islam atau bukan Islam dibunuh.

Beliau berkata pendekatan kerajaan berbeza dengan beberapa parti politik lain yang menimbulkan rasa benci terhadap kerajaan untuk meraih undi.

Ketika ditanya sama ada kegiatan kumpulan itu akan dianggap oleh penduduk bukan Islam sebagai sebahagian daripada ajaran Islam, Dr Mahathir berkata itu bukan sebahagian daripada Islam.

"Bagi kita, ia bukan sebahagian daripada agama kita. Ia kumpulan ajaran sesat. Kita tidak akan menyokongnya tetapi saya yakin ada orang yang akan menyokong kumpulan ini.

"Tak lama lagi, kita akan dengar kononnya ini satu sandiwara oleh Umno. (Takkanlah) kita adakan sandiwara sehingga ada orang diseksa dan dibunuh," katanya.

Ketika ditanya sama ada kumpulan itu mahukan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan dari penjara, Dr Mahathir berkata itu bukan antara tuntutan mereka.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan menyalah guna kuasa berhubung tuduhan salah laku seks terhadapnya.

-- BERNAMA

AR AU MAI